

15/02/1997

Bapa belanja angpau anak

H H

DEMAM musim perayaan mula berakhir. Hari ini dan esok, kita semua balik ke rumah masing-masing dari kampung untuk kembali bertugas pada Isnin. Anak-anak juga akan mula bersekolah selepas cuti panjang menyambut Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.

Musim perayaan sememangnya musim kita semua berbelanja. Bagi yang berpendapatan, boleh dikatakan hampir semua kita berbelanja lebih daripada bulan-bulan yang lain bagi memeriahkan sambutan kali ini. Mereka yang banyak duit akan mengadakan pula majlis rumah terbuka seminggu dua ini.

Itulah `kuasa' yang ada pada duit. Bagi yang memilikinya, sambutan musim perayaan seperti itu akan lebih meriah dan bermakna. Bagi yang tiada, apa saja mereka akan usahakan untuk mencari dan menggandakan duit.

Ketika kita di sini senang dan mewah dengan duit ketika menyambut musim perayaan, di beberapa negara lain, ada umat Islam bercakaran dan bergaduh kerana duit. Di Tirana, ibu negara Albania, ramai yang terkorban dalam rusuhan kerana duit.

Beribu-ribu penunjuk perasaan mengadakan perhimpunan setiap hari kerana berang dengan kegagalan skim pelaburan piramid kontroversi sehingga cuba menjatuhkan kerajaan. Mereka yang terbabit dalam skim kini menyuarakan sokongan kepada pemimpin pembangkang, bergabung dengan kesatuan sekerja untuk membentuk pakatan politik bagi menuntut pengunduran kerajaan berhaluan kanan pimpinan Presiden Sali Berisha.

Tunjuk perasaan itu tercetus hanya kerana skim pelaburan piramid, yang satu ketika pernah berlaku di negara tetapi dapat segera dikawal oleh pihak berkuasa.

Kini sebahagian besar penduduk Albania yang juga beragama Islam mungkin tidak dapat berhari raya seperti kita di Malaysia. Mereka semua sudah habis wang simpanan mereka untuk tujuan itu menyebabkan ramai menjadi papa kedana. Bagi mereka mungkin kemeriahan Aidilfitri sudah tiada makna apatah lagi anak-anak kecil.

Musim perayaan macam ini, anak-anaklah paling gembira kerana mendapat banyak wang yang diberi oleh ibu bapa, datuk, nenek dan sanak-saudara mereka. Bagi yang baru belajar berpuasa tahun ini, ganjaran wang juga diberikan oleh kita bagi anak-anak yang cukup puasa sebulan.

Kegembiraan dan keceriaan terbayang di muka mereka apabila dihulurkan paket-paket kecil berwarna-warni berisi duit. Suasana kegembiraan itu lebih dirasai apabila dapat berkumpul dengan sepupu-sepupu kecil mereka dan membandingkan jumlah wang yang mereka dapat. Yang dapat duit sedikit, mereka merenggek dengan ibu dan bapa apabila melihat kawan, abang, kakak mahupun sepupu mereka yang dapat duit lebih banyak. Pasti tangisan mereka itu akan berhenti dan makan pujuk apabila dihulur beberapa paket lagi oleh si bapa atau si ibu.

Tidak keterlaluan kalau kita katakan kegembiraan anak-anak zaman sekarang pada musim perayaan seperti ini hanyalah kerana mereka dapat mengumpul banyak wang. Memakai pakaian baru dan makan kuih-muih nampaknya tidak begitu bermakna sangat pada mereka sekarang. Apatah lagi bermain bunga api mahupun mercun sudah diharamkan.

Seperti orang dewasa yang mempunyai banyak citarasa dan tinggi selera apabila mempunyai banyak wang, anak-anak juga tidak terkecuali. Dengan duit yang mereka perolehi ketika hari raya, anak-anak kita juga sudah pandai merancang dan berangan mahu membeli itu dan ini. Ada yang mengidam mahu membeli basikal, peralatan mainan video, roller blade dan macam-macam

lagi.

Bagi anak-anak yang sudah terdidik dengan budaya menyimpan dan menabung, mereka akan meminta ibu dan ayah memasukkan wang ke dalam buku simpanan. Mereka berebut-rebut mahu menambah tabungan. Ketam Batu sentuh mengenai topik menabung ini kerana baru sebulan dua lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Kempen Galakan Tabungan Peringkat Nasional.

Kempen itu mahu semua lapisan rakyat meningkatkan tabungan secara sukarela untuk masa depan yang lebih terjamin supaya kita bebas daripada pergantungan kepada pelaburan asing. Walaupun di kalangan negara Asia, kita antara yang teratas dengan kadar tabungan 38.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), masih belum pasti sasaran 45 peratus tahun ini boleh dicapai. Jika Singapura yang kecil itu pun boleh mencatatkan tabungan 37 peratus, apatah lagi kita yang lebih ramai penduduk ini dan semakin mewah pula dan berbelanja besar pula pada musim perayaan. Pada mata kasar, kita merasakan memang tidak sukar mencapai peratusan tinggi tabungan tetapi ia hanya boleh dicapai jika semua kita termasuk anak-anak kecil mempunyai kesedaran terhadap faedah menabung.

Kita gembira selepas kempen itu dilancarkan, bank dan syarikat kewangan termasuk syarikat yang dulu tidak berapa kreatif menggalakkan anak-anak kecil menabung, kini mula menunjukkan kesungguhan dan komitmen mereka. Dalam era instrumen kewangan yang serba canggih ini, mereka semakin sedar penting untuk memperkenalkan pelbagai kaedah galakan tabungan yang lebih menarik dan menguntungkan. Selain menawarkan pelbagai habuan lumayan jika seseorang penyimpan berjaya mencapai tahap simpanan tinggi, sebagaimana yang kita cadangkan, bank tempatan mula memperkenalkan galakan tabungan dengan manfaat lain seperti insurans peribadi, pembiayaan pelajaran, kemudahan kesihatan separuh bayaran atau percuma dan pelbagai lagi.

Ketam Batu ucapkan tahniah kepada Bank Bumiputra kerana memperkenalkan baucar angpau sempena musim perayaan ini untuk galakkan anak-anak kecil terus memasukkannya ke dalam akaun agar mereka tidak memegang tunai dan terus berbelanja.

Begitu juga dengan DCB Bank Berhad yang memperkenalkan `Mega Junior' untuk anak-anak kita dengan pelbagai faedah istimewa. Dengan permulaan RM1, bank itu menawarkan faedah pelbagai peringkat yang dikira setiap hari dan dikreditkan setiap bulan. `Mega Junior' juga menawarkan faedah bonus yang dikreditkan bagi setiap suku tahun. Yang lebih menarik, skim itu menawarkan perlindungan kemalangan peribadi percuma sehingga RM20,000 berdasarkan baki minimum sebanyak RM500 dalam akaun anak-anak kita. Kita harap banyak lagi bank perkenal macam ni.

Menabung memang menjamin kesejahteraan. Cuma yang dewasa saja selalu lupa bahawa mereka jua perlu menabung sebagaimana kita mahu anak-anak kita melakukannya. Jangan pula hujung bulan si bapa berbelanja guna angpau anaknya!

(END)